

05 NOV 2001

Asean-Aids

ASEAN AKAN BERUNDING DENGAN SYARIKAT UBAT

Oleh: David Chelliah

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Nov (Bernama) -- Negara-negara anggota Asean akan mengkaji kemungkinan berunding dengan syarikat-syarikat ubat untuk mendapatkan harga yang berpatutan bagi ubat yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka yang mempunyai HIV/Aids, kata Setiausaha Agung Asean Rodolfo C. Severino Jr hari ini.

Beliau berkata ia akan melibatkan beberapa peringkat termasuk meninjau peluang bagi kerjasama dan mengkaji pengalaman negara lain dalam merundingkan pembelian secara pukal dan kebezaan harga.

"Ini akhirnya akan membawa kepada perbincangan antara Pasukan Petugas mengenai Aids Asean dan syarikat farmasi berkaitan mengenai pembelian secara besar-besaran di peringkat serantau," katanya.

Satu sesi khas mengenai HIV/Aids pada Sidang Kemuncak Pemimpin Asean ke -7 di sini menerima satu deklarasi mengenai HIV/Aids dan Program Kerja Asean empat tahun yang kedua untuk menangani HIV/Aids di negara-negara anggota.

Severino berkata Program Kerja Asean meliputi semua sektor, bukan sahaja kesihatan, disebabkan Aids bukan sahaja membunuh manusia tetapi juga ia akan menghakis produktiviti, mengurangkan tenaga kerja, tidak menggalakkan pelaburan, menjejaskan standard kehidupan dan melemahkan kerajaan serta masyarakat.

Sementara itu, paraaktivis Aids menyambut baik deklarasi Asean itu untuk bertindak bersama bagi memperluaskan akses kepada ubat yang mampu dibeli mereka yang menghidapi Aids.

Presiden Majlis Aids Malaysia Datuk Paduka Marina Mahathir berkata deklarasi dan program kerja itu sudah pun memberikan impak penting kerana buat pertama kali para pemimpin Asean telah duduk bersama berbincang dengan NGO untuk menangani isu itu.

Dalam satu kenyataan di sini, beliau berkata jika semua 10 negara anggota Asean boleh bekerjasama dalam isu harga ubat ini, ia akan lebih berkesan lagi.

"Syarikat-syarikat ubat perlu memberi perhatian kepada kira-kira 500 juta penduduk di negara-negara Asean," katanya.

Aktivis Aids Indonesia Yacintha Desembriartista berkata kebanyakan ubat yang diperlukan mereka yang positif Aids untuk membolehkan mereka kekal aktif, adalah mahal dan di luar kemampuan orang biasa untuk membelinya.

"Ini bermakna ia bukan sahaja memendekkan jangka hayat seseorang dengan Aids, ia juga akan melemahkan keupayaan seseorang itu untuk terus bekerja dan berdikari. Jika ia berlaku, mereka akan menjadi beban kepada keluarga mereka dan masyarakat," katanya.

Kira-kira 1.7 juta orang yang dijangkiti HIV/Aids merupakan penduduk di 10 negara Asean -- Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

-- BERNAMA

DC RON